

## **Penggunaan Hamzah Alwasl dan Hamzah Alqat' dalam Kemahiran Menulis Pelajar Universiti**

***Siti Hawani Hamid & Norasyikin Osman\****

*Fakulti bahasa & Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin*

*norasyikinosman@unisza.edu.my\**

### **ABSTRAK**

Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran terpenting selain kemahiran mendengar, bertutur dan membaca. Kemahiran ini perlu dititikberatkan oleh pelajar agar mereka dapat menguasai penulisan bahasa Arab dengan baik terutamanya dalam penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengkaji penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar. Seramai 70 orang pelajar dalam bidang bahasa Arab di salah sebuah universiti pantai timur, Malaysia telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Ia seterusnya diedarkan kepada responden yang terpilih untuk mendapatkan data yang sesuai dengan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan pelajar berkemampuan dan mengambil berat terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Justeru, kajian dapat merumuskan bahawa penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar bidang bahasa Arab di salah sebuah universiti pantai timur, Malaysia berada pada tahap yang baik berdasarkan kepada hasil kajian yang diperoleh. Kajian ini turut mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan kepada pihak tertentu bagi memantapkan lagi penguasaan tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: kemahiran menulis, hamzah alwasl, hamzah alqat'

### **ABSTRACT**

Writing skills are among the most important parts in learning, apart from listening, speaking and reading skills. These skills should be greatly emphasized by the students in order to master Arabic writing especially in writing of hamzah alwasl and hamzah qata'. Therefore, this research aims to study the use of hamzah alwasl and hamzah qata' among students. A total number of 70 second semester students of the Bachelor of Arabic Studies programme at Sultan Zainal Abidin University were selected as respondents in this study. This study was conducted by using the questionnaire method as a research instrument. It was then distributed to selected respondents to obtain the data that is in line with the objectives of the study. The findings show that students are capable and concerned with the topic of hamzah alwasl and hamzah qata'. Hence, the study concludes that the use of hamzah alwasl and hamzah qata' among the students of the Bachelor of Arabic Language Studies at Sultan Zainal Abidin University is at a good level based on the results of the study. The study also proposes some suggestions for improvement towards certain parties to strengthen the mastery of the hamzah alwasl and hamzah qata' topics among students.

Keywords: writing skills, hamzah alwasl, hamzah alqat'

### **PENDAHULUAN**

Bahasa merupakan satu medium perhubungan yang penting bagi manusia untuk meneruskan kehidupan seharian, mengekspresikan perasaan dan kehendak serta untuk saling memahami dan melengkapinya antara satu sama lain. Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain terutamanya masyarakat yang berada di negara Arab dan bahasa ini mempunyai keistimewaannya tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain.

Kemunculan bahasa Arab sebagai medium komunikasi telah lama diperakui dan dipandang tinggi oleh masyarakat kerana dikaitkan dengan penurunan al-Quran dalam bahasa Arab dan bahasa ini juga merupakan bahasa pertuturan Baginda S.A.W. Bahasa ini juga merupakan bahasa yang menghubungkan sesama manusia bagi menyempurnakan keperluan dan kehendak hidup mereka. Justeru, penguasaan terhadap bahasa Arab bermula daripada penguasaan empat kemahiran asas yang utama iaitu kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kerana melalui kemahiran ini kita dapat mengenal pasti adakah seseorang itu mampu menguasai bahasa ini ataupun sebaliknya. Kemahiran menulis didefinisikan sebagai satu proses akal oleh seseorang penulis untuk melahirkan idea-idea, menyusunnya dan menggambarannya melalui penulisan (Ibrahim Ali Rababa'ah, 2016).

Namun demikian, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bukanlah suatu proses yang mudah kerana bahasa Arab memiliki pelbagai kosa kata dan istilah-istilah yang mempunyai makna-makna tertentu mengikut konteks penggunaannya. Seperti mana yang diketahui, kemahiran menulis merupakan satu proses yang melibatkan sistem ejaan seperti tanda noktah, tanda soal, bentuk-bentuk penulisan huruf yang betul sebagaimana sebutannya dan sebagainya. Oleh sebab itu, kaedah penulisan dan pembacaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sangat dititikberatkan bagi mengelakkan berlakunya kesalahan dari segi sistem ejaan sebagaimana kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'.

Kesimpulannya, kemahiran menulis memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan. Kaedah penulisan pelajar terhadap hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kosa kata atau ayat bahasa Arab akan menggambarkan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab.

### **Hamzah Alwasl Dan Hamzah Alqat'**

Menurut Salah Abdul Aziz an Nassar t.t, hamzah alwasl didefinisikan sebagai kaedah penulisan huruf alif tanpa diikuti dengan huruf hamzah manakala hamzah alqat' pula didefinisikan sebagai penulisan huruf alif yang diikuti dengan huruf hamzah. Mempunyai kemahiran dalam menulis hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan betul dalam penulisan bahasa Arab merupakan satu faktor yang menentukan sama ada seseorang itu memiliki penguasaan bahasa Arab yang baik atau pun tidak.

Secara ringkasnya, hamzah alwasl dikategorikan kepada dua bahagian iaitu simai' dan qiasi sebagaimana yang dijelaskan oleh Adil Mahmud al Siddin Maki t.t dalam kajiannya, iaitu bagi kategori simai' merangkumi al asma' al asyarah, alif lam al ta'rif dan alif lam al wazifah. Manakala bagi kategori qiasi merangkumi isim mufrad, mussana, jama', feel madhi sulasi dan rubai' serta masdarnya. Pembahagian hamzah alwasl ini turut disokong oleh Umar al Sannawi al Khalidi (2014) dalam kajiannya, dan tambahnya lagi terdapat beberapa keadaan yang membolehkan hamzah alwasl dibuang ataupun berubah dari segi penulisannya.

Justeru, pengenalan terhadap hamzah alwasl dan hamzah alqat' memainkan peranan penting bagi membantu pelajar untuk membezakan sudut penggunaannya dalam kosa kata dan ayat bahasa Arab. Walaupun terdapat definisi yang membezakan antara hamzah alwasl dan hamzah alqat', namun masih terdapat beberapa kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar ketika menulis kosa kata atau pun ayat yang mengandungi hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar masih belum menguasai bahasa Arab dengan baik. Antara kesalahan penulisan hamzah alwasl dan

hamzah alqat' yang kerap dilakukan oleh pelajar ialah ketika menulis feel rubai', khumasi, sudasi serta feel amar sulasi manakala kesalahan yang kurang dilakukan oleh pelajar ialah ketika menulis perkataan yang mengandungi alif lam al ta'rif (Maskaidi 2010, Haidar Mohd Hana' 2012, Fariyah 2014).

Sehubungan dengan itu, pendedahan terhadap hamzah alwasl dan hamzah alqat' serta kaedah penggunaannya perlu diberi perhatian oleh pihak yang sewajarnya bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Penulisan bahasa Arab merupakan satu medium yang melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Oleh sebab itu penulisan bahasa Arab dianggap antara wadah terpenting selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur supaya dapat menguasai bahasa Arab dengan baik. Seperti mana yang diketahui, bahasa merupakan medium perhubungan yang penting bagi manusia untuk mengekspresikan perasaan dan kehendak serta untuk saling memahami antara satu sama lain. Abu Mohd Ahmad Dirabi Al Banjari (2015), mendefinisikan bahasa ialah ungkapan-ungkapan yang menggambarkan kehendak sesuatu kaum.

Oleh sebab itu, kajian mendapati masih terdapat ramai pelajar yang melakukan kesalahan ketika menulis kosa kata atau pun ayat yang mengandungi hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Kebanyakan pelajar masih tidak dapat membezakan antara hamzah alwasl dan hamzah alqat' dan seringkali melakukan kesalahan dalam menggunakannya. Kesalahan ini berlaku sama ada ketika menulis kosa kata, istilah-istilah, ayat bahasa Arab atau pun ketika menjawab soalan peperiksaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan meminimumkan kesalahan yang sering dilakukan pelajar dalam penulisan bahasa Arab terutamanya dalam penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar dalam bidang bahasa Arab di salah sebuah universiti pantai timur, Malaysia. Objektif kajian ini dapat dilihat sebagaimana berikut:

1. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis dan persepsi pelajar terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'.
2. Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar.
3. Menenalpasti sejauhmana kemampuan pelajar dalam menggunakan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan betul.

## **SOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang timbul dalam permasalahan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis?
2. Apakah persepsi pelajar terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'?
3. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar?
4. Bagaimanakah kemampuan pelajar dalam menggunakan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan betul?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang mengaplikasikan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik. Soal selidik ini merangkumi beberapa soalan berkaitan dengan tajuk kajian dan ujian ringkas berkenaan penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Soal selidik tersebut telah terlebih dahulu disahkan oleh pakar. Seterusnya kajian rintis turut dijalankan untuk melihat tahap kebolehpercayaan soal selidik yang telah melibatkan seramai 30 orang pelajar. Dalam kajian sebenar, seramai 70 orang pelajar dalam bidang bahasa Arab di salah sebuah universiti pantai timur, Malaysia dipilih sebagai responden kajian ini. Pelajar ini telah mengikuti kursus Fan' Imla pada semester satu. Data kajian dikumpul berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan melihat kepada skor min yang tertinggi dan terendah.

## DAPATAN KAJIAN

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji akan memaparkan hasil dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan analisis terhadap data kajian yang telah dikumpulkan melalui instrumen kajian iaitu soal selidik. Objektif-objektif kajian yang dikemukakan dijawab melalui dapatan kajian seperti berikut:

Jadual 1: Persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Arab

Bil	Pernyataan	Min	SD	Tahap
A1	Saya mampu menulis perkataan Bahasa Arab dengan baik.	4.09	.631	Tinggi
A2	Saya mampu menulis ayat Bahasa Arab dengan baik.	3.70	.709	Tinggi
A3	Saya mampu menulis perkataan bahasa Arab dengan baik tanpa melihat kamus.	3.47	.675	Tinggi
A4	Saya mampu menulis perkataan bahasa Arab dengan baik tanpa melihat kepada teks asal.	3.43	.627	Tinggi
A5	Menulis perkataan Bahasa Arab pada setiap hari dapat membantu saya meningkat kemahiran menulis dalam Bahasa Arab.	4.29	.801	Sangat Tinggi
Jumlah		3.80		Tinggi

Penguasaan bahasa Arab yang baik dapat dimiliki dengan cara menguasai empat kemahiran asas yang utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Jadual 1 menunjukkan persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Arab. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai skor min bagi persepsi pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 3.80. Hasil kajian mendapati nilai skor min yang paling tinggi adalah sebanyak 4.29 iaitu bagi pernyataan 'Menulis perkataan Bahasa Arab pada setiap hari dapat membantu saya meningkat kemahiran menulis dalam Bahasa Arab'. Sementara itu, nilai skor min yang paling rendah adalah 3.43 iaitu bagi pernyataan 'Saya mampu menulis perkataan bahasa Arab dengan baik tanpa melihat kepada teks asal'.

Jadual 2: Persepsi pelajar terhadap penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat'

Bil	Pernyataan	Min	SD	Tahap
BA1	Saya sangat meminati tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.89	.808	Tinggi
BA2	Kehendak untuk belajar <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> datang daripada diri saya sendiri.	3.86	.822	Tinggi
BA3	Saya bersungguh-sungguh untuk menguasai tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.99	.771	Tinggi

BA4	Saya berminat terhadap semua sukatan pembelajaran yang terdapat dalam tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	3.86	.687	Tinggi
BA5	Saya yakin untuk mempelajari tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' kerana saya mahir dalam Bahasa Arab.	3.64	.762	Tinggi
BA6	Saya memahami konsep dan definisi <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	3.63	.705	Tinggi
BA7	Saya boleh membezakan antara <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	3.87	.721	Tinggi
BA8	Saya boleh mengenal <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' dalam teks Bahasa Arab.	3.71	.764	Tinggi
BA9	Saya boleh menggunakan <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' dengan betul dalam penulisan.	3.57	.772	Tinggi
Jumlah		3.78		Tinggi

Mempunyai minat terhadap tajuk *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' serta mempunyai kemahiran dalam menulis *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' dengan betul merupakan antara satu faktor yang menentukan seseorang pelajar itu mengambil berat terhadap penulisan bahasa Arab atau pun sebaliknya. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap tajuk *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min sebanyak 3.78 sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 2. Pernyataan 'Saya bersungguh-sungguh untuk menguasai tajuk *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' mendapat nilai skor min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.99 manakala nilai skor min yang paling rendah adalah bagi pernyataan 'Saya boleh menggunakan *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' dengan betul dalam penulisan' iaitu dengan nilai 3.57. Sementara itu, hasil kajian menunjukkan terdapat nilai skor min yang sama iaitu bagi pernyataan 'Kehendak untuk belajar *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' datang daripada diri saya sendiri' dan pernyataan 'Saya berminat terhadap semua sukatan pembelajaran yang terdapat dalam tajuk *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*' iaitu dengan nilai 3.86.

Jadual 3: Proses pengajaran dan pembelajaran *hamzah alwasl* dan *hamzah alqat*'

Bil	Pernyataan	Min	SD	Tahap
BB1	Bahan pembelajaran tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' adalah mudah diperolehi.	3.94	.778	Tinggi
BB2	Bahan pembelajaran yang disediakan oleh guru membantu saya untuk belajar tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	4.20	.773	Tinggi
BB3	Sukatan pembelajaran tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' sesuai dengan tahap saya.	4.04	.647	Tinggi
BB4	Masa yang diperuntukkan untuk belajar tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' di dalam kelas adalah mencukupi.	3.74	.793	Tinggi
BB5	Tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' diajar mengikut sukatan pembelajaran yang telah ditetapkan.	4.00	.702	Tinggi
BB6	Teknik pengajaran <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' oleh pensyarah sangat berkesan.	4.00	.742	Tinggi
BB7	Tugasan yang diberikan oleh pensyarah berkesesuaian dengan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	4.11	.692	Tinggi
BB8	Pensyarah menjelaskan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> ' dengan jelas dan terperinci.	4.01	.771	Tinggi
BB9	Aktiviti-aktiviti yang dilakukan didalam kelas berkesesuaian dengan sukatan pembelajaran tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat</i> '.	3.96	.751	Tinggi
Jumlah		4.00		Tinggi

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh para tenaga pengajar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai skor min bagi proses pengajaran dan pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai 4.00 seperti ditunjukkan dalam Jadual 3. Ramai responden bersetuju bahawa bahan pembelajaran yang disediakan oleh guru membantu mereka untuk belajar tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' iaitu dengan nilai skor min sebanyak 4.20. Sementara itu, nilai skor min yang paling rendah adalah 3.74, bagi pernyataan mereka kurang bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan untuk belajar tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' di dalam kelas adalah mencukupi. Tambahan lagi, hasil kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' diajar mengikut sukatan pembelajaran yang telah ditetapkan dan mereka juga turut bersetuju bahawa teknik pengajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' oleh pensyarah sangat berkesan. Kedua-dua-dua pernyataan ini mendapat nilai skor min yang sama iaitu sebanyak 4.00.

Jadual 4: Amalan pelajar dalam proses pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat'

Bil	Pernyataan	Min	SD	Tahap
BC1	Saya mempraktikkan penulisan <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> di luar waktu kelas.	3.51	.928	Tinggi
BC2	Saya suka bertanya berkaitan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> ini kepada pensyarah.	3.41	.909	Tinggi
BC3	Saya suka bertanya berkaitan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> ini kepada kawan-kawan.	3.67	.880	Tinggi
BC4	Saya sentiasa membuat rujukan untuk meningkatkan mutu penguasaan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.61	.804	Tinggi
BC5	Saya membuat persediaan untuk mempelajari tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> di peringkat yang lebih tinggi.	3.60	.875	Tinggi
BC6	Saya mengulangkaji tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> setiap hari.	3.17	1.035	Sederhana
BC7	Saya suka membaca bahan-bahan yang berkaitan tajuk <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.56	.942	Tinggi
BC8	Saya menggunakan kamus semasa menulis untuk meningkatkan kemahiran menulis <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.76	.924	Tinggi
BC9	Saya mempraktikkan penulisan <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> melalui tugas yang diberikan oleh pensyarah.	3.81	.921	Tinggi
BC10	Saya menguasai perbendaharaan kata yang banyak untuk meningkatkan kemahiran menulis <i>hamzah alwasl</i> dan <i>hamzah alqat'</i> .	3.57	.878	Tinggi
Jumlah		3.57		Tinggi

Amalan-amalan pembelajaran yang sistematik memainkan peranan penting bagi membantu pelajar untuk menguasai sesuatu subjek mahupun bidang tertentu. Jadual 4 menerangkan tentang amalan pelajar dalam proses pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa nilai skor min bagi amalan pelajar dalam proses pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' juga berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 3.57. Hasil kajian mendapati nilai skor min yang paling tinggi adalah sebanyak 3.81 iaitu bagi pernyataan 'Saya mempraktikkan penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat' melalui tugas yang diberikan

oleh pensyarah'. Sementara itu, nilai skor min yang paling rendah adalah 3.17 iaitu bagi pernyataan 'Saya mengulang kaji tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' setiap hari', dan nilai bagi skor min ini berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 5: Keputusan ujian menulis hamzah alwasl dan hamzah alqat'

Markah	Tahap	Kekerapan	Peratusan
95-100	Sangat Cemerlang	7	10
85-94	Cemerlang	11	15.7
75-84	Sangat baik	21	30
65-74	Baik	13	18.6
55-64	Sederhana	11	15.7
45-54	Lemah	1	1.43
0-44	Sangat Lemah	6	8.57
Jumlah		70	100

Penguasaan bahasa Arab yang baik dalam kalangan pelajar juga dapat dilihat berdasarkan kemampuan mereka dalam menulis hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan betul. Namun demikian, setiap pelajar mempunyai penguasaan yang berbeza mengikut kemampuan yang dimiliki masing-masing. Jadual 5 menerangkan tentang keputusan ujian yang diperoleh daripada para responden kajian terhadap penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang baik. Perkara ini dilihat berdasarkan kepada ramai responden kajian mendapat keputusan yang berada pada tahap sangat baik dalam ujian menulis hamzah alwasl dan hamzah alqat' iaitu seramai 21 orang responden mendapat keputusan yang sangat baik dengan nilai markah antara 75 markah hingga 84 markah. Hasil kajian turut memaparkan bahawa hanya 7 orang responden mendapat keputusan sangat cemerlang dengan nilai markah antara 95 hingga 100 markah manakala seramai 11 orang responden berada pada tahap cemerlang iaitu dengan nilai markah antara 85 markah hingga 94 markah. Seterusnya, seramai 13 orang responden berada pada tahap yang baik bagi keputusan ujian ini iaitu dengan nilai markah antara 65 markah hingga 74 markah manakala 11 orang responden pula berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai markah antara 55 markah hingga 64 markah. Hasil kajian turut mendapati bahawa hanya seorang responden berada pada tahap lemah dengan nilai markah antara 45 markah hingga 54 markah manakala seramai 6 orang responden berada pada tahap sangat lemah iaitu dengan nilai markah antara 0 markah hingga 44 markah.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mendapati bahawa penulisan bahasa Arab dan penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar dalam bidang bahasa Arab di salah sebuah universiti pantai timur, Malaysia berada pada tahap yang baik. Kemampuan pelajar dalam menulis perkataan dan ayat bahasa Arab dengan baik menunjukkan penguasaan bahasa Arab yang baik dalam kalangan mereka. Latihan menulis yang sering dipraktikkan oleh pelajar merupakan antara faktor yang menjadikan mereka mampu untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Jamil Adnan (1998) bahawa latihan yang dipraktikkan oleh pelajar mampu memberi kesan yang positif dalam meningkatkan kemahiran menulis mereka. Tambahnya lagi, proses pengajaran bahasa Arab dengan cara memperbanyakkan latihan mampu untuk menjadikan pelajar lebih bersungguh-sungguh untuk memahami gaya

penulisan bahasa Arab. Kenyataan ini disokong oleh Zarima (2005) bahawa pelajar yang berkeinginan untuk menguasai kemahiran menulis mestilah memperbanyakkan latihan supaya dapat menghasilkan penulisan bahasa Arab yang baik.

Di samping itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa pelajar mengambil berat terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Perkara ini dilihat berdasarkan kepada kecenderungan, keinginan dan kesungguhan daripada diri mereka sendiri untuk menguasai tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' di samping kepentingan mempelajarinya untuk penulisan bahasa Arab. Menurut Barid Shamsiah (2013), pelajar yang bersungguh-sungguh dalam mempelajari sistem ejaan bahasa Arab serta memperbanyakkan kosa kata bahasa Arab merupakan antara faktor-faktor yang menyumbang kepada penyelesaian masalah dan kesusahan dalam mempelajari sistem ejaan bahasa Arab. Kenyataan ini disokong oleh Khalid Khamis Farraj (2015) dalam kajiannya, bahawa kefahaman terhadap kaedah penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat' serta memperbanyakkan latihan menulisnya merupakan antara faktor yang membantu pelajar untuk menguasai tajuk ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini merumuskan bahawa kesungguhan, minat dan kecenderungan merupakan antara faktor-faktor yang mendorong seseorang pelajar untuk memahami dan menguasai tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'.

Selain itu, hasil kajian turut mendapati bahawa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam kalangan pelajar. Kajian mendapati proses pengajaran dan pembelajaran ini berkesan melihat kepada kebanyakan responden bersetuju bahawa bahan-bahan pembelajaran yang disediakan mencukupi, sukatan pelajaran yang sangat sesuai, masa yang mencukupi untuk mempelajari tajuk ini serta kaedah pengajaran yang sesuai daripada pensyarah. Selain itu, mereka juga bersetuju bahawa kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti yang diberikan oleh pensyarah sangat membantu mereka untuk menguasai tajuk ini. Faktor-faktor luaran sebegini yang membantu para pelajar untuk menguasai tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Barid Shamsiah (2013), bahawa sumber rujukan dan bahan-bahan pengajaran yang sesuai sangat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Khadijah (2014), kaedah pengajaran memainkan peranan penting untuk menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal demikian, kajian menyimpulkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting untuk menarik minat pelajar dalam sesuatu pelajaran seterusnya menjadikan mereka mampu untuk menguasai apa-apa yang dipelajarinya. Kajian menyatakan sedemikian, kerana faktor-faktor luaran yang positif dan baik mampu menjadikan pelajar itu bersikap positif serta lebih minat terhadap sesuatu yang dipelajari atau yang diceburinya.

Seterusnya, hasil kajian turut mendapati bahawa berlakunya amalan-amalan pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' yang sistematik dalam kalangan pelajar. Amalan-amalan pembelajaran yang sistematik memainkan peranan penting bagi membantu pelajar untuk menguasai tajuk tersebut. Kajian mendapati antara amalan yang dilakukan oleh pelajar ialah mereka cuba untuk menguasai tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan cara mempraktikkan penulisan hamzah ini di samping menggunakan kamus semasa menulis perkataan ataupun ayat bahasa Arab. Amalan ini menunjukkan bahawa pelajar sangat mengambil berat terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Kajian juga mendapati bahawa amalan pelajar yang kerap bertanya kepada pensyarah dan kawan-kawan, serta kerajinan mereka dalam mengulang kaji dan membaca rujukan yang berkaitan sangat membantu mereka untuk menambah ilmu pengetahuan sekaligus menguasai tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Khalid Khamis Farraj (2015) menegaskan dalam kajiannya, bahawa pentingnya pengukuhan latihan terhadap hamzah alwasl dan hamzah alqat' serta memperbanyakkan membaca untuk menghindari daripada berlakunya kesalahan ejaan dalam penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'.



Akhir sekali, kajian mendapati bahawa setiap pelajar mempunyai penguasaan yang berbeza bagi penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Perbezaan ini muncul kerana setiap pelajar memiliki kemampuan dan kemahiran yang berbeza dalam menguasai pembelajaran bahasa Arab. Penguasaan pelajar terhadap penulisan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dapat dilihat berdasarkan kepada ujian yang telah dijalankan. Hasil daripada ujian yang dijalankan, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar ketika menulis perkataan yang mengandungi hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Antara kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar adalah pada perkataan imtihan, ikhtibar, intalaqo, isnani, imra'atun, ihtimamu, i'ttisal dan isnatani. Berdasarkan kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bagi perkataan-perkataan ini, kajian dapat merumuskan bahawa pelajar masih kurang berkemampuan dalam membezakan penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' pada al asma'i al asyarah iaitu bagi perkataan isnani dan isnatani. Pelajar juga kurang berkemampuan dalam membezakan penggunaan madhi, amar dan masdar bagi feel khumasi dan sudasi. Seterusnya, kajian mendapati bahawa kesalahan yang kurang dilakukan oleh pelajar adalah bagi perkataan islam, usbu' dan ila. Kesalahan bagi perkataan-perkataan ini kurang berlaku kerana perkataan ini merupakan perkataan yang biasa ditulis oleh pelajar dan banyak digunakan dalam penulisan mereka.

Hasil keputusan ujian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Abu Rabb (2007), bahawa kebanyakan pelajar mengabaikan penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' dalam penulisan mereka. Dalam kajian yang dijalankan oleh beliau, hasil kajian menunjukkan bahawa antara kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar juga adalah bagi perkataan ila, ikhtibar, imtihan, ihtimam, i'ttisal dan i'tibar. Tambahan lagi, kajian yang telah dijalankan oleh Fariyah (2014) turut menegaskan bahawa kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar ketika menulis perkataan yang mengandungi hamzah alwasl dan hamzah alqat' adalah pada al asma' al asyarah. Kesimpulannya, kajian dapat merumuskan bahawa rata-rata pelajar melakukan kesalahan yang sama dalam menulis perkataan-perkataan yang mengandungi hamzah alwasl dan hamzah alqat'. Sehubungan dengan itu, semua pihak mestilah memainkan peranan penting bagi meminimumkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan ini. Perhatian yang lebih dan penambahbaikan dalam kaedah-kaedah pengajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' daripada tenaga pengajar amatlah digalakkan bagi menghasilkan penulisan bahasa Arab yang baik dalam kalangan pelajar.

## **KESIMPULAN**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bukan bertujuan untuk mencari kesalahan pelajar dalam penggunaan hamzah alwasl dan hamzah alqat' bahkan merupakan salah satu langkah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran hamzah alwasl dan hamzah alqat' seterusnya memperkukuhkan strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' menerusi cadangan yang diutarakan. Seterusnya, kajian ini juga dapat membantu para pelajar untuk mempertingkatkan kualiti dan penguasaan mereka dalam penulisan bahasa Arab sebagaimana diketahui bahawa penulisan bahasa Arab merupakan antara wadah terpenting bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Sehubungan dengan itu, kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' memainkan peranan penting bagi meminimumkan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penulisan bahasa Arab sekaligus memastikan penguasaan pelajar terhadap tajuk hamzah alwasl dan hamzah alqat' semakin baik. Akhir kata, kemampuan pelajar dalam menulis hamzah alwasl dan hamzah alqat' dengan baik akan menggambarkan penguasaan bahasa Arab yang baik dalam kalangan pelajar terutama dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Abu Mohd Ahmad Dirabi Al Banjari. 2015. *Muhadirat fi Fiqh al Lughah (Nazariah wa Tahliliyah)*. Banjarmasin: Dar Hamida' an Nasyru wa Ttauzi'. 2.
- Abdul Jamil Adnan. 1998. *Asaru Tariqi al terjemah wa al Ttadrib fi ta'lim maharat al Kitabah liltullab Qismu al Lughah al Arabiyah fi al Jamiah al Islamiyyah al Hukumiyah al Raniri Bibanda Atisyiyyah Indonesia (Risalah al Majister)*. Malaysia: al Jamiah al Islamiyyah al A'lamiyyah bimaliziya.
- Adil Mahmud al Siddin Maki. T.t. *Min Majalis al Imla' "al Hamazat"*. Syabakah al Alukah.
- Barid Shamsiah. 2013. *Su'ubat Dirasat al Imla' lada al Tullab al Mustawa as Salis Syu'bah Tadrir al Lughah al Arabiyah Jamiah Salatija al Islamiyyah al Hukumiyah al 'Am al Jami'i* 2012/2013 wa Hululiha. Salatijiya: Jamiah Salatijiya al-Islamiyyah al-Hukumiyah.
- Fariyah Isti'anah. 2014. *Tahlil al Akhta' al Imlai'iyah fi Kitabah al Hamzah lada Tilmizat Maahad "Tanwir" al Islami Bujunngara (Risalah al-Majister)*. Jamiah Maulana Malik Ibrahim al Islamiyyah al Hukumiyah Malanaj.
- Ibrahim Ali Rababa'ah. 2016. *Maharatu al Kitabah wa Namuzaj Ta'limuha*. Majalah al-Alukah. 1-36.
- Khadijah Mohd Husin. 2014. *Tahlil al Akhta' al Imlai'iyah fi Kitabah Talabah Madrasah al Junaid al Islamiyyah as Sanawiyyah (Risalah al Majister)*. Jamiah Maulana Malik Ibrahim al Islamiyyah al Hukumiyah Malanaj.
- Khalid Khamis Farraj. 2015. *Tahlil al Akhta' al Imlai'iyah i'nda Muta'limi al Lughah al Arabiyyah Linnatikina Bighairiha*. Majalah Ta'lim al Lughah al Arabiyyah. 113-129.
- Maskaidi. 2010. *Tahlil al Akhta' fi Kitabah Hamzah al Qat'i fi al Imla' lada al Ttulab bi Maahad Kiyahi al Haj Ahmad Dahlan Taluk Kuntan*. Jamiah Sultan Syarif Kasim al Islamiyyah al Hukumiyah Riau Pekanbaru.
- M.M Haidar Mohd Hana' Hamid as Syallat. 2012. *Al Akhta' al Imlai'iyah as Syai'ah lada Talabah Kuliyyah ad Dirasah al Quraniyyah fi Adai Hamzatai al Wasli wa al Qat'i*. Jamiah Babal.
- Mohd Abu Rabb. 2007. *Tahlil al Akhta' al Kitabiyah a'la Mustawa al Imla'i lada muta'limi al Lughah al Arabiyyah al Nnatiqina bighairiha*. Al Jamiah al Urduniyyah.
- Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini. 2016. *Tahap Penguasaan Penulis Karangan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Noor Anida binti Awang, Norhayati binti Che Hat & Nurazan binti Mohamad Rouyan. 2014. *Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UniSZA*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Ruhayati Ramly, Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Nasri Abdullah, Sofia Mohammed, Fazlulaini Mohd Yunus. (2017). *Mastering the reading of hamzah alwasl using bafkad method*. International Journal of Religion Research in Education, hlmn 54-64.
- Salah Abdul Aziz an Nassar. T.t. *Durus fi Qawaid al Imla'*. Daurah al kitabah biduni al Akhta'.
- Umar al Sannawi al Khalidi. 2014. *Muhimmat fi al Imlai' Durus Muyassirah fi Nitaq Muktasiroh*. Syabakah al Alukah.
- Zarima Mohd Zakaria. 2005. *Al Ta'bir al Kitabi lada al Talabah al Maliziyyin bilmdaris al Sanawi al Diniyyah bisalanjur "Dirasah Wasfiyyah Tahliliyyah"*. Malaysia: al Jamiah al Islamiyyah al A'lamiyyah.